



Sukan dan Integrasi Nasional Malaysia Boleh!

“SAYA MASIH INGAT BAGAIMANA ORANG RAMAI BERPUSU-PUSU MEMBELI RADIO, TERMASUKLAH PERLAWANAN AKHIR BADMINTON PIALA THOMAS YANG MENYAKSIKAN TANAH MELAYU MELAWAN AMERIKA SYARIKAT YANG DIADAKAN DI SINGAPURA PADA TAHUN 1952. PADA KETIKA ITU, SIARAN LANGSUNG DIADAKAN MENERUSI RADIO MALAYA. SEMUA ORANG TERUJA DAN BERSATA HATI ATAS SEMANGAT SUKAN YANG SEJATI. PADA KETIKA ITU, SUKAN SANGAT BERKESAN UNTUK MENYATUKAN KAMI.” CERITA PROF. EMERITUS TAN SRI DR. KHOO KAY KIM.

Tambah pengkritik dan ahli sukan yang berasal dari Perak itu, rakyat Malaysia, tanpa mengira bangsa, memberikan sokongan padu kepada apa-apa juga sukan, sama ada pada peringkat sekolah, negeri ataupun negara. Hal ini berlaku kerana itulah “hiburan” yang dapat menyatupadukan seluruh rakyat Tanah Melayu pada ketika itu.

“Bayangkan pada awal tahun 1975, kemudahan pengangkutan masih terhad, tetapi lebih daripada 50 ribu orang membanjiri Stadium Merdeka untuk memberikan sokongan kepada pasukan hoki Malaysia yang bersaing menentang India pada pusingan separuh akhir. Kejohanan itu merupakan rekod dunia. Saya selalu bergurau, nasib baik Malaysia kalah; kalau pasukan negara berjaya melangkah ke peringkat akhir, sudah pasti 100 ribu orang akan hadir dan Stadium Merdeka akan runtuh,”

ujar Dr. Khoo dalam wawancara dengan media tempatan. Malaysia menduduki tempat keempat dalam kejohanan Piala Dunia ketiga itu.

Selain hoki, pada waktu itu, bola sepak juga menjadi antara sukan yang diminati di negara ini, sekaligus tanpa disedari, menjadi medium perpaduan rakyat pelbagai kaum. Semangat kebersamaan menerusi sukan seolah-olah menjadi “tanggungjawab” yang perlu dilaksanakan oleh rakyat negara ini. Sebelum terbentuknya Malaysia, pasukan bola sepak negara dikenali sebagai pasukan bola sepak Malaysia.

Kerana sokongan dan semangat yang diberikan oleh rakyat kepada pemain, maka tanggungjawab yang dipikul oleh pemain cukup berat dan tidak pernah dipandang ringan, serta jauh sekali mereka memikirkan soal imbuhan kemenangan. Hal ini menjadikan pasukan negara pada ketika itu

amat digeruni dan kita menjadi antara pasukan yang terkuat di Asia pada awal tahun 1950-an sehingga tahun 1960-an. Sebagai buktinya, pencapaian terbaik pasukan kita berlaku di Jakarta, Indonesia, apabila negara berjaya memenangi pingat gangsa Sukan Asia 1962 dengan menewaskan Vietnam Selatan 4-1.

Selepas pembentukan Malaysia pada 16 September 1963, pasukan Malaya bertukar menjadi pasukan Malaysia. Kegemilangan pasukan ini berterusan selepas pembentukan Malaysia, dengan kemunculan pemain ternama, seperti adik-beradik Namat dan Shaharuddin Abdullah, Wong Fook Chuan, N. Thanabalan, Zulkifli Norbit, dan kapten Abdullah Nordin. Bukan sesuatu yang luar biasa apabila pada setiap kali pasukan negara beraksi, Stadium Merdeka pasti dilimpahi oleh ribuan rakyat pelbagai kaum yang memberikan sokongan kepada pasukan bola sepak negara.

Oleh sebab bola sepak, rakyat berbilang bangsa dapat duduk bersama-sama, berkongsi meja dan televisyen, bersama-sama bersorak untuk menyokong pasukan negara. Kebersamaan ini akhirnya membawa Malaysia untuk layak ke Sukan Olimpik 1972 di Munich, Jerman Barat, apabila pasukan negara berjaya menewaskan Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Filipina. Malaysia mengulangi pencapaian terbaiknya pada tahun 1962 apabila sekali lagi memenangi pingat gangsa Sukan Asia 1974 di Tehran, Iran, selepas menewaskan Korea Utara 2-1.

Generasi awal kemerdekaan tentu masih ingat akan kejohanan pesta Bola Merdeka. Kejohanan, yang berlangsung saban tahun itu, diadakan bagi membolehkan

pasukan negara untuk menguji kekuatan dengan pasukan Asia yang lain. Pemainnya berbilang kaum, penyokongnya pun begitu. Integrasi kaum berlaku dalam kalangan pemain dan penyokong.

Meskipun negara dipalit oleh rusuhan kaum 13 Mei 1969, yang sedikit banyak mewujudkan perasaan curiga-mencrigai, peristiwa hitam itu sedikit pun tidak memudarkan semangat kebersamaan sukan dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini dibuktikan apabila rakyat negara ini terus berdiri teguh, tanpa mengira kaum, untuk menyokong pasukan kebangsaan dengan hadir beramai-ramai di Stadium Merdeka sehingga kita layak ke Piala Asia pada tahun 1976 dan 1980. Yang lebih manis lagi, Malaysia sekali lagi layak ke Sukan Olimpik 1980 di Moscow, Rusia. Namun demikian, negara mombokot temasya tersebut sebagai membantah pencerobohan Kesatuan Soviet terhadap Afghanistan.

Mungkin apa-apa yang berlaku pada era 1950-an sehingga 1980-an terlalu nostalgia untuk dikenang oleh generasi era itu pada hari ini. Generasi kini mungkin sukar untuk memahami dan menghayati peristiwa yang berlaku pada waktu itu. Namun begitu, apabila kita kembali mengimbas kejayaan pasukan badminton negara pada 25 tahun yang lalu, iaitu pada 16 Mei 1992, sudah tentu tiada sesiapa yang dapat menafikan detik manis itu.

Tarikh keramat itu menyaksikan seluruh negara menantikan perlawanan akhir Malaysia menentang Indonesia di Stadium Negara untuk menjulang Piala Thomas. Tatkala pasukan negara berada di gelanggang dan

berjuang habis-habisan, rakyat negara ini, tanpa mengira bangsa, agama, budaya dan pegangan politik, memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada pasukan negara yang dibarisi oleh pemain perseorangan Rashid Sidek, Foo Kok Keong, dan Kwan Yoke Meng, serta pasangan beregu Razif Sidek-Jalani Sidek dan Cheah Soon Kit-Soo Beng Kiang. Tiada istilah pemain berbangsa Melayu hanya memerlukan sokongan rakyat berbangsa Melayu dan begitu juga dengan pemain yang lain. Warna kulit, bahasa, dan bangsa bukan penentu sokongan.

Perlawanan yang paling ditunggu-tunggu itu, yang disiarkan secara langsung oleh televisyen, menyebabkan lebuhraya dan laluan utama lenggang, premis perniagaan ditutup lebih awal, dan banyak aktiviti lain ditangguhkan. Semuanya berlaku kerana sukan! Rakyat berbangsa Melayu, Cina, dan India, serta etnik di Sabah dan Sarawak menjulang semangat bahawa pemain Malaysia yang berada di gelanggang itu mewakili seluruh rakyat Malaysia. Mereka berjuang kerana negara dan bangsa Malaysia.

Apabila Malaysia berjaya menumpaskan Indonesia dan menjulang Piala Thomas, rakyat bergembira dan menganggap bahawa kejayaan itu kejayaan bersama semua pihak. Menerusi siaran langsung yang disiarkan oleh televisyen, rata-rata penyokong negara, tanpa segan-silu, menitikkan air mata kegembiraan. Bendera Malaysia dikibarkan dan jeritan “Malaysia Boleh” dilaungkan oleh semua bangsa. Lagu *Malaysia Boleh* juga dinyanyikan oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, umur dan jantina.

Detik itu juga mencetuskan fenomena kanak-kanak dan anak muda ingin menjadi juara, seperti pasukan badminton negara. Kanak-kanak mula berlatih untuk bermain badminton di halaman rumah, di jalan raya di hadapan di rumah jika jalan raya itu tidak sibuk, di mana-mana sahaja kawasan lapang, meskipun hanya dengan menggunakan tali sebagai jaring. Fenomena sukan badminton melanda negara dan ibu bapa rata-rata mahu anak mereka menjadi juara, seperti Rashid, Kok Keong, Yoke Meng, Razif-Jalani, dan Soon Kit-Beng Kiang. Pemain badminton negara dijadikan sebagai suri teladan untuk mencapai kejayaan.

Sukan turut menjadi satu-satunya magnet yang berjaya “menarik” ratusan ribu rakyat pelbagai kaum di negara ini. Pada tahun 2009, Stadium Nasional di Bukit Jalil dipenuhi lautan manusia yang datang dari serata negeri untuk memberikan sokongan kepada pasukan bola sepak negara. Sebagai hasilnya, negara bukan sahaja berjaya menjulang Piala AFF Suzuki, malah turut memenangi pingat emas Sukan SEA 2009 di Vientiane, Laos, tidak lama selepas itu. Kejayaan itu diraikan oleh semua pihak, apatah lagi setelah sekian lama Harimau Malaya berada dalam kesuraman, ngaumannya tidak kedengaran, dan tarungnya makin tumpul.

Detik itu menyaksikan jersi Harimau Malaya disarung oleh pelbagai bangsa, tidak kira waktu. Detik itu juga seolah-olah memberikan harapan baharu kepada pasukan negara untuk lebih maju pada masa akan datang setelah sekian lama berada kemuraman, seolah-olah ada cahaya di hujung terowong yang

gelap. Bukanlah sesuatu hal yang mudah untuk rakyat negara ini berkumpul dalam program atau aktiviti tertentu, lebih-lebih lagi dengan mengharapkan kehadiran ratusan ribu penyokong. Namun demikian, melalui sukan, terutama badminton dan bola sepak, rakyat pelbagai bangsa, budaya, agama, dan pegangan politik di negara ini berjaya “disatukan”.

Dalam temasya Sukan Olimpik di Rio de Janeiro, Brazil, pada tahun lepas, kebersamaan antara pelbagai kaum di negara ini sekali lagi dibuktikan apabila seluruh rakyat memberikan sokongan padu kepada pemain badminton nombor satu negara, Datuk Lee Chong Wei, yang beraksi dalam perlawanan akhir menentang pemain China. Selain Chong Wei, Malaysia juga mencatat rekod pungutan pingat yang terbaik dalam temasya itu dengan meraih empat pingat perak dan satu pingat gangsa yang disumbangkan oleh atlet lain dalam acara badminton, 10 meter platform serama wanita, dan lumba basikal keirin.

Banyak penyokong yang sanggup bersengkang mata untuk menonton Rio 2016, yang rata-ratanya disiarkan lewat malam pada waktu tempatan oleh televisyen. Kejayaan atlet negara ini menjadi tular menerusi media sosial. Media itu, yang biasanya digunakan sebagai forum untuk bergaduh, bertukar-tukar kata kesat atau melemparkan tuduhan dan fitnah, dipenuhi ungkapan positif dan berinspirasi, seperti ucapan tahniah, sokongan, motivasi, dan galakan daripada rakyat Malaysia. Semangat rakyat Malaysia pelbagai bangsa, budaya, agama, dan pegangan politik mengatasi segala-galanya apabila bukan penyokong berbangsa

Cina sahaja yang menitiknaskan air mata kegembiraan dan bersorak sehingga serak suara apabila Chong Wei berjaya menundukkan seterusnya, Lin Dan, dari China, tetapi seluruh negara berkongsi perasaan yang sama dan bertindak dengan cara yang sama juga.

Begitu pun, tidak dinafikan bahawa pada hari ini, perpaduan negara berhadapan dengan pelbagai cabaran. Perbezaan ideologi politik, khususnya, menjadi faktor penting yang mengugat perpaduan rakyat. Hal ini turut menjadi toksin yang mampu untuk memudarkan integrasi nasional. Fitnah politik semakin menjadi-jadi, lebih-lebih lagi apabila negara sedang berhadapan dengan pilihan raya umum ke-14.

Ada ahli politik yang tidak bertanggungjawab dilihat sanggup menggadaikan maruah bangsa dan negara dengan menabur fitnah. Jurang perpaduan rakyat di negara ini semakin ketara. Kebencian antara kaum dimarakkan dan disebarkan menerusi media sosial. Banyak perkara yang tidak seharusnya dipertikaikan, malah yang telah disepakati sebelum ini, kini dijadikan sebagai bahan politik dengan matlamat untuk mewujudkan kebencian antara kaum.

Begitu pun, tatkala pelbagai kebimbangan disuarakan oleh sesetengah pihak berhubung dengan pudarnya semangat integrasi nasional kalangan rakyat, Malaysia dianggap bertuah apabila negara akan melakarkan sejarah setelah dipilih untuk menjadi tuan rumah temasya Sukan SEA Ke-29 dari 19 Ogos hingga 30 Ogos tahun ini. Seridak-tidaknya melalui temasya sukan ini, rakyat negara ini, khususnya

parti politik dan penyokongnya, dapat melupakan “perang politik” pilihan raya umum ke-14, yang sudah pun bermula, seketika.

Mungkin kita perlu belajar daripada semangat rakyat Mexico yang berjaya menganjurkan kejohanan bola sepak Piala Dunia sebanyak dua kali meskipun negara tersebut berhadapan dengan kemelut politik dan kemiskinan. Beberapa bulan setelah dilanda gempa bumi yang serius, negara itu bangkit untuk menganjurkan Piala Dunia 1986. Melalui kejohanan itu, seluruh Mexico bersatu dan mengetepikan konflik yang berlaku seketika. Mereka membuktikan kepada dunia bahawa “kuasa” sukan mampu untuk menyatukan mereka.

Dalam konteks negara ini, sebelum merdeka, sukan terbukti dapat memupuk dan memperkukuh semangat nasionalisme dan integrasi sosial, di samping mewujudkan perasaan saling menghormati, toleransi yang tinggi, dan sikap tidak mementingkan diri sendiri, seperti yang dipaparkan dalam filem *Ola Bola*. Menerusi filem tersebut, meskipun barisan

pemain negara mengetahui bahawa Malaysia memboikot Sukan Olimpik 1980, mereka menyedari bahawa penonton telah memenuhi stadium dan mengharapkan kejayaan daripada mereka. Demi maruah negara, pemain menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi dan akhirnya berjaya mengalahkan Korea Selatan dengan jaringan 3-2.


Penyokong dan seluruh rakyat Malaysia juga terpaksa akur dengan keputusan kerajaan untuk memboikot Sukan Olimpik itu. Pada ketika itu, tiada sebarang perhimpunan untuk membantah langkah kerajaan itu dilakukan oleh rakyat meskipun pada ketika itu, sokongan rakyat terhadap bola sepak negara berada pada kemuncaknya.

Kerajaan sudah semestinya memahami kepentingan sukan untuk bangsa dan negara. Pada tahun 2011, Kementerian Pelajaran (kini Kementerian Pendidikan) melaksanakan dasar satu murid satu sukan pada peringkat sekolah. Melalui pelibatan dalam bidang sukan, negara diyakini mampu untuk melahirkan pelajar yang mempunyai semangat untuk

bertanding dan bersaing secara sihat. Yang dapat dikatakan juga ialah sukan berupaya untuk merapatkan hubungan antara murid pelbagai kaum, meningkatkan kesepakatan, dan menyemarakkan semangat bantu-membantu.

Tirai Sukan SEA ke-29 dibuka pada 19 Ogos 2017 yang juga merupakan bulan kebangsaan negara. Inilah peluang keemasan yang ada bagi rakyat pelbagai kaum di negara ini untuk memperkukuh semangat integrasi yang wujud. Tatkala kita berdiri di belakang barisan atlet negara untuk meraih seberapa banyak pingat yang boleh, kita juga seharusnya membuktikan kepada dunia bahawa akar integrasi nasional rakyat pelbagai kaum di negara ini masih utuh. Selama 12 hari, integrasi nasional dijangka berada pada tahap yang tertinggi. Selepas 12 hari itu, diharapkan bahawa integrasi nasional akan terus berada pada tahap tersebut, malah ditingkatkan.

Pada hakikatnya, Malaysia memang layak untuk menjadi suri teladan integrasi nasional kepada dunia. ■



Bulan ini dipenuhi majlis bersejarah. Antara majlis bersejarah itu termasuklah negara merayakan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos dan menjadi tuan rumah Sukan SEA ke-29. Sama ada pemilihan tarikh ini ada dalam perancangan ataupun hanya kebetulan, yang pastinya, situasi ini perlu dimanfaatkan secara sepenuhnya oleh rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana pada bulan ini, semangat patriotisme, iaitu semangat mencintai negara, sangat kuat dan berkobar-kobar. Semangat ini perlu diterjemahkan dalam bentuk sambutan Hari Kebangsaan yang lebih hebat daripada sebelum ini dan kemenangan Malaysia dalam temasya sukan yang berprestij pada peringkat ASEAN.

Dengan berbekalkan semangat patriotisme dalam Sukan SEA ke-29 yang berlangsung dari 19 Ogos hingga 30 Ogos, pemain akan bermain bermati-matian, manakala penyokong akan memberikan

sokongan dan kata semangat yang mampu untuk menaikkan motivasi dan moral pemain. Dengan tema "Bangkit Bersama", integrasi antara pemain dengan penyokong pula mampu untuk merealisasikan tema hari kebangsaan pada tahun ini, iaitu "Negeraku Sehati Sejiwa". Kedua-dua tema ini perlu dizahirkan dalam tempoh satu bulan. Dalam hal ini, pemain dan penyokong sehati sejiwa dan bangkit bersama-sama untuk menjulang nama negara dan meraih seberapa banyak pingat untuk negara bersempena dengan hari bersejarah negara ini.

Jika disorot sejarah temasya sukan yang diadakan secara dwitahunan ini, yang sebelum tahun 1977 dikenali sebagai Sukan SEAP, Malaysia enam kali menjadi tuan rumah, iaitu pada tahun 1965, 1971, 1977, 1989, 2001 dan 2017. Malaysia menjadi juara keseluruhan dengan kutipan sebanyak 111 pingat emas pada tahun 2001. Namun begitu, prestasi kontinjen negara tidak menentu

selepas itu, tetapi diharapkan prestasi itu dapat ditingkatkan pada tahun ini.

Pada temasya kali ini, Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN kesembilan dijenamakan sebagai Kuala Lumpur 2017. Maskot yang dipilih bagi KL 2017 ialah spesies harimau Malaya kerana sifatnya yang gagah perkasa. Maskot ini dikenali sebagai Rimau. Walau bagaimanapun, hal yang agak menyedihkan ialah kini dikhabarkan hanya tinggal 300 ekor harimau belang di hutan negara ini.

Logo Sukan SEA ke-29 ialah imej wau bulan yang menjadi lambang kebanggaan Malaysia. Wau bulan sejenis layang-layang berbentuk bulan sabit yang terkenal di Pantai Timur. Gabungan jalur warna-warni dikumpulkan daripada panji semua negara peserta Sukan SEA untuk membentuk identiti Kuala Lumpur 2017.

Apabila bercerita tentang sukan, watak wajib yang

perlu ada ialah pasukan, iaitu negara yang bertanding, pemain, penyokong, pengadil, jurulatih, ahli psikologi sukan dan pengulas sukan. Perasaan yang pasti ada dalam setiap acara yang dipertandingkan semestinya perasaan berdebar-debar, takut, bimbang dan bersemangat. Perasaan ini bukan sahaja dirasakan oleh pemain, tetapi turut dirasai oleh watak sukan yang lain, seperti penyokong, jurulatih dan pengulas sukan.

Negeraku sehati sejiwa merujuk satu tekad, satu tujuan, dan satu impian yang sama daripada satu kumpulan. Tekad, tujuan, dan impian inilah yang dikongsi oleh setiap watak sukan dalam kumpulan tersebut. Apabila setiap watak sukan menyematkan hal yang sama ini dalam hati dan jiwa, barulah semua orang memahami kehendak dan aspirasi, walaupun tanpa berkata-kata. Hal ini dapat diibaratkan sebagai komunikasi tanpa menggunakan mata, yang dilakukan menerusi gerak rasa. Untuk lebih hebat lagi, negara sehati sejiwa dapat diumpamakan sebagai pemain bola sepak daripada satu pasukan yang membuat hantaran kepada rakannya daripada pasukan yang sama di tempat yang tiada rakannya, tetapi pada masa yang sama, rakannya ini tahu bahawa bola akan dihantar ke tempat itu.

Dalam konteks negaraku sehati sejiwa, setiap watak sukan yang mewakili Malaysia perlu bergerak dalam satu pasukan. Hal ini bermula daripada sebelum pertandingan sehingga berakhirnya pertandingan. Langkah ini dilakukan bagi menggambarkan bahawa rakyat Malaysia sememangnya sehati sejiwa dan berada dalam satu

kumpulan, setidak-tidaknya pada bulan kebangsaan ini.

Watak paling penting dalam acara sukan ialah pemain. Dengan latihan dan persediaan yang mantap, pemain sepatutnya mampu untuk meraih pingat untuk negara, apatah lagi Malaysia menjadi tuan rumah bagi temasya ini. Hal ini pastinya memberikan kelebihan kepada atlet yang bermain di laman sendiri kerana mereka telah membiasakan diri dengan tempat pertandingan, tempat penginapan, makanan dan cuaca tempatan. Dari segi psikologi, pemain telah biasa dengan ragam penyokong sendiri. Begitu juga dengan debaran ketika perlakuan.

Ada satu watak yang kurang dikenali, tetapi penting dalam pertandingan sukan. Watak ini ialah ahli psikologi sukan. Walaupun ahli psikologi sukan kurang popular dalam kalangan masyarakat, peranannya penting. Hal ini dikatakan begitu kerana ahli psikologi sukan membantu atlet untuk meningkatkan prestasi mereka.

Di samping itu, ahli psikologi sukan juga membimbing dan mendidik atlet untuk menghadapi ujian dan cabaran, serta menangani kebimbangan dan tekanan. Pengetahuan dalam psikologi sukan membantu atlet dari segi persediaan fizikal dan mental. Persediaan ini membantu atlet untuk meningkatkan keyakinan diri, mendapatkan motivasi, memberikan konsentrasi terhadap tugasan dan kebolehan mengawal tekanan, serta memberikan kemampuan untuk memfokuskan peningkatan prestasi.

Malaysia unggul dalam sukan pada suatu ketika dahulu kerana

psikologi sukan pemain yang mewakili negara ini pada waktu itu sangat hebat. Walaupun terdapat keterbatasan dari segi kelengkapan dan teknologi pada masa itu, psikologi sukan sangat dititikberatkan. Pemain berjuang dalam setiap perlawanan seolah-olah mereka berada di medan perang. Jika kalah, imej negara tercalar dan begitulah sebaliknya. Demi perasaan ini, yang ditanamkan dalam minda pemain, pemain bermain dengan bersungguh-sungguh tanpa memikirkan ganjaran dan habuan.


Mungkin dari satu segi, pemain dahulu tidak memikirkan ganjaran kerana kurangnya ganjaran yang disediakan. Oleh sebab itu, pemain dahulu hanya memfokuskan minda mereka terhadap kemenangan. Semangat juang yang tinggi dan jiwa yang kental pula ialah modal utama pemain. Semangat tidak mengaku kalah sehingga saat terakhir juga menjadi kekuatan yang ada pada pemain dahulu yang membudai diri mereka.

Dalam sukan berkumpulan, seperti bola sepak, pemain dahulu membudayakan corak permainan secara berpasukan, bukannya secara sendiri. Hal ini dilakukan bukan untuk menunjukkan diri lebih handal berbanding dengan rakan yang lain. Setiap pemain sebenarnya saling melengkap dari saling membantu tanpa mengira posisi atau peranan yang ditetapkan.

Di samping itu, pemain dahulu kreatif dan rajin mencari peluang dan membuka peluang, bukannya hanya menunggu kedatangan peluang yang belum tentu datang. Di samping mematuhi arahan taktikal daripada jurulatih, peluang yang lain perlu dicari dan dicipta. Walaupun penat, jika tidak

Negaraku Sehati Sejiwa Bangkit Bersama

KUALA LUMPUR
2017
29TH SEA GAMES
9TH ASEAN PARA GAMES



berputus asa atau mengaku kalah, pemain masih berpeluang untuk memperoleh kemenangan. Namun begitu, budaya permainan sebegini hanya dapat diamalkan jika stamina dan mental pemain berada pada tahap yang sangat tinggi.

Kini satu perkara yang dikatakan makin menjadi budaya dalam acara sukan ialah pengambilan rasuah. Walaupun jumlah kesnya sangat kecil dan terpercil, budaya ini sangat tidak baik dan mencemarkan maruah diri dan pasukan. Bagi golongan ini, keuntungan berbentuk wang lebih diharapkan berbanding dengan tanggungjawab untuk menaikkan imej negara. Yang diharapkan ialah agar budaya tidak elok ini dapat dibendung sebelum menjadi barah yang parah.

Yang lebih sinis, ada pihak yang mengaitkan gejala ini dengan status pemain. Jika pemain amatir, duit hanya berada di dalam poket dan pemain masih boleh berlari. Jika pemain separuh profesional, duit berada pada satu belah kaki dan pemain sukar berlari. Jika pemain profesional pula, duit berada pada kedua-dua belah kaki dan pemain tidak dapat berlari.

Selain itu, budaya mengambil dadah untuk meningkatkan prestasi juga perlu dibendung dan tidak seharusnya ada dalam kalangan pemain. Ada sesetengah pemain, yang tidak yakin tentang kemampuan diri dan bimbang tentang prestasi ketika bermain, sanggup mengambil jalan pintas dengan cara mengambil dadah yang dilarang. Sudah banyak kali berlaku keadaan apabila pingat yang dimenangi oleh atlet itu ditarik balik.

Dalam suasana untuk merayakan Sukan SEA ke-29, tidak dapat dinafikan bahawa bukan semua



orang yang berminat untuk menjadi penyokong. Ada rakyat yang tidak mengambil peduli tentang perkembangan sukan, sama ada sukan yang diadakan di dalam ataupun di luar negara, kerana sukan tidak membudaiyi diri mereka. Jika ditanya, mereka memberikan jawapan bahawa sukan tidak memberikan pulangan atau hasil.

Oleh sebab itu, sukan dianggap sebagai sesuatu yang sia-sisa. Bagi mereka, sukan ialah sesuatu yang berbahaya kerana boleh menyebabkan kecederaan kepada pemain dan penyokong. Pemain tercedera kerana beraksi ketika bersukan, manakala penyokong tercedera kerana bergaduh dengan penyokong lain. Apabila berlaku kecederaan, pastilah perlu disediakan peruntukan tambahan untuk merawatnya. Pada hakikatnya, kecederaan boleh berlaku pada bila-bila masa, baik semasa bersukan ataupun tidak.

Di samping itu, ketiadaan minat terhadap sukan ini mungkin berlaku disebabkan oleh kesibukan bekerja dan kesibukan untuk mengurus kehidupan. Dengan kos sara hidup yang makin meningkat, pasti banyak orang yang lebih suka menghabiskan masa untuk memikirkan kaedah yang terbaik untuk mencari duit tambahan menerusi dwikerja. Bagi mereka, itulah realiti kehidupan masa ini.

Walau apa-apa pun alasannya untuk menjauhi sukan, dalam konteks perpaduan kaum dan sehati sejiwa untuk melihat nama negara gah di persada dunia, inilah masanya untuk bangkit bersama-sama menjadi penyokong kontinjen Malaysia. Jika sokongan seperti yang lazimnya tidak dapat diberikan, cukuplah sekadar berdoa agar Malaysia dapat mencapai prestasi yang cemerlang pada temasya ini. Sesungguhnya Malaysia tidak boleh kalah di laman sendiri.

Secara umumnya, ada dua bentuk sokongan yang dapat diberikan oleh penyokong, iaitu secara langsung dan tidak langsung. Sokongan secara langsung dapat diberikan di tempat pertandingan dengan cara menghadirkan diri ketika pertandingan. Pada waktu ini, pemain dapat melihat ratusan atau ribuan penyokong yang hadir untuk melihat



kemenangan mereka. Hal ini dapat meningkatkan semangat juang pemain, di samping menurunkan motivasi pemain lawan. Jika tidak berkesempatan, penyokong juga dapat memberikan sokongan secara langsung menerusi media sosial, seperti Facebook pemain.

Sokongan secara menonton televisyen, mendengar radio, dan membaca akhbar pula lebih berbentuk sokongan secara tidak langsung. Hal ini dikatakan demikian kerana pemain tidak melihat, apatah lagi mengetahui bahawa sokongan sedang diberikan kepada mereka. Walau apa-apa pun kata yang diucapkan atau sorakan yang dilayangkan, hal ini hanya diketahui dalam kalangan penyokong. Tindakan ini lebih berbentuk hubungan satu hala dan dapat dibaratkan sebagai mesej yang disampaikan ke telefon pintar tanpa adanya pemberitahuan kemasukan mesej. Oleh sebab itu, penerima mesej (pemain) tidak dapat membuka mesej ini, apatah lagi mengetahui kehadirannya. Jika aksi penyokong dan kata sorakan ini dirakamkan dan dihantar kepada pemain, barulah mesej ini sampai dan membantu usaha untuk meningkatkan moral mereka.

Satu lagi watak penting yang mewarnai acara sukan ialah pengulas sukan. Satu daripada

nama hebat dalam bidang ini ialah Datuk Hasbullah Awang. Apabila pengulas sukan ini mula mengulas permainan, penonton seolah-olah dibawa masuk ke tempat pertandingan sukan dan merasai apa-apa yang berlaku di situ dengan sendiri. Walaupun kadangkala ada ulasan yang dikategorikan sebagai tidak baik, ulasan ini tetap menyebabkan penonton tersenyum dan memberikan maklumat kepada mereka. Antara ulasan yang kekal dalam ingatan rakyat Malaysia termasuklah ulasan Hasbullah dalam pertandingan akhir Piala Thomas 1992, iaitu "dengan doa seluruh rakyat Malaysia, doa isteri Razif dan Jalani yang sedang mendodoikan anak mereka, sejarah akan tercipta dalam final Piala Thomas ini."

Saat bendera British diturunkan dan bendera Persekutuan Tanah Melayu yang kini dikenali sebagai Jalur Gemilang dinaikkan secara rasmi buat kali pertama pada 31 Ogos 1957, dan saat Tunku Abdul Rahman Putra melaungkan kata "merdeka" dan diikuti oleh laungan kata yang sama oleh hadirin menjadi saat yang sangat dirindukan. Nyanyian lagu *Negaraku* yang menurut waktu itu juga seolah-olah tergingang-ngiang di telinga rakyat Malaysia.

Oleh sebab itu, jangan bertangguh lagi! Ayuh! Jadikan memori 60 tahun yang lalu sebagai tayangan semula sepanjang Kuala Lumpur 2017. Gemakan negara kita dengan nyanyian lagu *Negaraku* dan kibaran Galur Gemilang kerana memperoleh pingat untuk negara. Pejuang dahulu berjuang dan sehati sejiwa untuk mendapatkan kemerdekaan bagi negara. Pejuang sukan masa ini pula berjuang dan sehati sejiwa,

Fakta Menarik tentang Penyokong Sukan

- Beratur untuk membeli tiket seawal mungkin.
- Berkampung di luar stadium.
- Membawa sepanduk dan kain rentang.
- Mewarnakan badan dan muka dengan warna bendera negara.
- Datang secara berkumpulan.
- Meniup trompet dan *bubuzela*.
- Menyanyikan lagu dan melaungkan kata sorak semangat.
- Berpakaian maskot.
- Memakai jersi atau baju warna pasukan.
- Mengibarkan bendera.
- Memakai pengikat dahi dan tangan, mafela dan topi.
- Membuat sorakan "ombak".

Fakta Menarik tentang Pemain Ketika Menang

- Membuka baju.
- Membaling baju, kasut, dan alat sukan yang digunakan kepada penyokong.
- Menjulung tangan ke langit.
- Menarikan tarian tertentu.
- Memukul dada sambil dirindukan. Nyanyian lagu *Negaraku* yang menurut waktu itu juga seolah-olah tergingang-ngiang di telinga rakyat Malaysia.
- Melompat ke atas belakang pemain lain.
- Melompat balik kuang.
- Berlari mengelilingi gelanggang atau padang.
- Menjerit dengan sekuat-kuat hati.
- Sujud syukur.

serta bangkit bersama-sama untuk mengharumkan nama negara di mata dunia. Buktikan, kita memang *negaraku* sehati sejiwa. 08